

13/05/2001

Waspada dakyah kesatuan sekerja asing

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri mengingatkan pekerja dan pemimpin kesatuan sekerja agar tidak mudah terpedaya dengan dakyah rakan asing mereka di negara maju supaya membuat tuntutan keterlaluan terhadap majikan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tujuan sebenar kesatuan sekerja asing berbuat sedemikian adalah untuk melumpuhkan perindustrian negara dan menamatkan persaingan negara di pasaran antarabangsa demi kepentingan mereka.

"Mereka sentiasa mendesak supaya pekerja kita diberi layanan lebih baik, dapat gaji lebih tinggi dan patut mengambil tindakan perusahaan jika ada masalah dengan majikan.

"Nampak seolah-olah mereka simpati dengan pekerja kita tetapi tujuan mereka sebenarnya ialah supaya pekerja kita membuat tuntutan keterlaluan, mengambil tindakan perindustrian yang boleh menyebabkan pengeluaran barangan kita berkurangan, harga barangan meningkat hingga tidak boleh bersaing dengan barangan keluaran negara maju.

"Dengan itu mereka dapat menyelamatkan kerja mereka dan mereka boleh membuat tuntutan kenaikan gaji untuk mereka tetapi pekerja kita akan menganggur," katanya ketika menyampaikan amanat khas sempena Perhimpunan Hari Pekerja 2001 di Stadium Putra di sini semalam.

Hadir sama pada majlis yang disertai lebih 200 kontinjen daripada pelbagai sektor awam dan swasta serta institusi pengajian tinggi tempatan dari seluruh negara itu ialah Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn.

Perhimpunan bertemakan 'K-Pekerja Pemangkin Kecemerlangan Negara' itu diadakan sempena sambutan Hari Pekerja pada 1 Mei lalu.

Mengulas perkara itu pada sidang akhbar kemudian, Dr Mahathir berkata dakyah itu disebarkan kepada pemimpin kesatuan sekerja tempatan pada setiap kali mesyuarat Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dahulu.

Bagaimanapun, katanya, kini pemimpin kesatuan sekerja tempatan tidak mudah dipengaruhi dengan dakyah pemimpin kesatuan sekerja negara maju itu kerana mereka sudah menjadi lebih bijak.

"Alhamdulillah pekerja kita juga tidak berminat sangat nak buat tuntutan berlebihan sebaliknya sanggup berunding, mereka tidak tertarik dengan cara kasar.

"Oleh itu, kita dapat terus kekalkan daya saing, kita dapat keluarkan barang yang sama tetapi pada harga yang lebih murah," katanya.

Dr Mahathir berkata, tindakan kesatuan sekerja asing itu adalah kesinambungan daripada tindakan empayar Barat yang memaksa negara di bawah jajahan mereka membeli barangan keluaran mereka.

Beliau berkata, dengan cara itu mereka dapat melayan tuntutan pekerja mereka dari masa ke semasa untuk mendapatkan gaji lebih tinggi kerana ketiadaan persaingan untuk barangan keluaran negara mereka.

"Tetapi apabila negara itu merdeka dan mampu mengeluarkan barangan sendiri, mereka tidak boleh lagi memaksa kita membeli barangan mereka atau melayan tuntutan kesatuan sekerja mereka seperti dulu," katanya sambil memberi contoh bagaimana industri satu negara Barat lumpuh akibat tuntutan keterlaluan.

Perdana Menteri berkata, walaupun gaji yang diterima pekerja tempatan lebih rendah berbanding upah yang diterima rakan mereka di negara maju, tetapi kuasa membeli di sini adalah lebih tinggi sehingga tiga kali ganda.

Merujuk perbandingan mudah kuasa membeli yang dikenali sebagai Indeks

Burger McDonald's, Dr Mahathir berkata rakyat boleh membeli lebih banyak barangan dengan setiap ringgit di Malaysia berbanding di negara maju.

"Malah di sesetengah negara, kadar inflasi mereka meningkat sehingga 1,000 peratus dalam masa singkat sehingga nilai gaji yang diterima jatuh mendadak dan mereka terpaksa membelanjakan dengan segera supaya tidak rugi," katanya.

Perdana Menteri seterusnya mengajak pekerja tempatan terus mengamalkan pendekatan rundingan bagi menyelesaikan segala permasalahan perindustrian seperti yang diamalkan sekarang.

Tindakan perindustrian seperti mogok bukan saja menyebabkan kerugian kepada majikan tetapi juga kepada pekerja itu sendiri dan akhirnya negara apabila sektor perindustrian negara lumpuh.

"Pembangunan negara bergantung kepada kestabilan dalaman negara, jika keadaan dalaman tidak stabil maka kita tidak akan terima pelaburan, bukan saja pelaburan luar negara tetapi juga dari dalam negara," katanya.

Perdana Menteri turut memuji keputusan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) membatalkan rancangan piket serentak dengan perhimpunan itu untuk memaksa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) memenuhi tuntutan mereka.

"Alhamdulillah, fikiran yang waras mengatasi segalanya," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menyampaikan Anugerah Hari Pekerja Tahun 2001 bagi pelbagai kategori kepada pemenang.

Anugerah Tokoh Pekerja Lelaki dimenangi Teo Kah Choon, 32, seorang kerani di Pusat Perubatan Subang Jaya, manakala Anugerah Tokoh Pekerja Perempuan diraih Batmavathi Krishnan, 47, seorang pustakawan di Universiti Malaya.

Anugerah Majikan Prihatin pula disandang ST Microelectronic Sdn Bh, syarikat semikonduktor dari Johor, manakala Anugerah Majikan Penjana K-Pekerja dimenangi Infineon Technologies (Malaysia) Sdn Bhd, syarikat semikonduktor dari Melaka.

Sarawak Teachers Union dipilih memenangi Anugerah Kesatuan Sekerja Contoh Kementerian Sumber Manusia bagi sektor awam manakala Kesatuan Pekerja-Pekerja Hitachi Consumer Products (M) Sdn Bhd bagi sektor swasta.

(END)